

©International Journal of West Asian Studies  
EISSN: 2180-4788 Vol. 5 No. 2 (pp 1-15) DOI: 10.5895/ijwas.2013.07

## **Application of The Wasatiyyah Concept To The Formation of the Medina Charter**

### **Aplikasi Konsep Wasatiyyah Dalam Pembentukan Piagam Madinah**

Azyati Azhani Mohd Mazuki  
*azhani1417@yahoo.com*

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Wan Kamal Mujani  
*inawan@yahoo.com*

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Azmi Aziz  
*azmiaziz68@gmail.com*

Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran,  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Ermy Azziaty Rozali  
*ermy@ukm.my*

Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Article received on 1 December 2013; Article published online on 31 December 2013.

### **Abstract**

The Medina Charter is the first written charter created by Prophet Muhammad s.a.w as a system of rule or a legislative system in administering Madina. The Prophet adopted the Wasatiyyah concept or the notion of moderation in constructing the Charter or constitution, for the administration of different religions and cultures in Medina. This article will shed light on the Wasatiyyah concept or approach as adopted in the formation of the formation. The methodology of this study is by studying and analyzing historical documents in order to obtain a complete understanding of the

Wasatiyyah concept. The study showed that the Wasatiyyah concept Prophet Muhammad s.a.w used provided rights and justice to the people of Medina.

***Key words: The Medina Charter, Wasatiyyah, Moderation, Prophet Muhammad, Islam***

### **Abstrak**

Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis pertama yang diwujudkan oleh Nabi Muhammad s.a.w sebagai satu peraturan atau sistem perundangan untuk mentadbir Madinah. Baginda telah menggunakan pendekatan konsep Wasatiyyah atau kesederhanaan bagi membentuk perlembagaan tersebut yang dikira dapat membentuk sebuah masyarakat yang bersatu padu walaupun dianggotai masyarakat yang berbeza agama dan budaya. Artikel ini akan mengupas dengan lebih lanjut mengenai pendekatan Wasatiyyah yang wujud dalam pembentukan perlembagaan tersebut. Metodologi kajian ini adalah menggunakan analisis dokumen dan kajian sejarah bagi mendapatkan data yang lengkap. Hasil kajian menunjukkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w menggunakan pendekatan Wasatiyyah atau kesederhanaan dalam membina Piagam Madinah bagi memberi hak dan keadilan yang sewajarnya kepada penduduk yang menganggotai Madinah.

***Kata Kunci: Piagam Madinah, Wasatiyyah, Kesederhanaan, Nabi Muhammad, Islam***

## 1 Pendahuluan

Sebelum kedatangan Nabi Muhammad s.a.w, penduduk Madinah hidup secara berkelompok, berpuak-puak, bermusuhan antara satu sama lain dan saling membenci. Semangat asabiyyah dan kabilah yang kuat dalam diri mereka menyebabkan tiada suatu asas yang dapat menyatukan semua bangsa di Madinah. Mereka sangat bermegah dengan keturunan masing-masing dan memandang rendah kepada kabilah lain. Dengan adanya semangat asabiyyah tersebut menyebabkan mereka sering bergaduh hanya semata-mata untuk mendapat nama, kuasa pengaruh dan harta benda. Selain itu, mereka juga sanggup menyerang kabilah lain dengan sebab dan musabab yang kecil di tambah pula dengan kelicikan puak Yahudi yang sengaja menyemai permusuhan di antara puak Aus dan Khazraj. Keadaan penyatuan di Madinah semakin rumit apabila muncul pula puak Quraisy yang beragama Islam (Muhajirin) yang berhijrah ke Madinah. Hal ini merupakan cabaran utama Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin negara untuk membentuk sebuah masyarakat baru yang bersatu padu dan mampu bekerjasama di bawah prinsip-prinsip Islam.

Masyarakat Madinah pada ketika itu terdiri daripada pelbagai suku, puak, kabilah seperti kaum Aus dan Khazraj, golongan Quraisy dari Makkah, orang Yahudi dan Nasrani. Keadaan ini memerlukan Nabi Muhammad s.a.w melaksanakan satu langkah dan kaedah yang menjadi asas untuk menyatukan mereka semua. Antara langkah yang telah disusun oleh Nabi Muhammad s.a.w untuk dilaksanakan sebagai cara bagi menyatukan penduduk Madinah ialah dengan pembinaan Masjid al-Nabawi, mempersaudarakan golongan Ansar dan Muhajirin dan mengadakan perjanjian dengan penduduk Madinah iaitu pembentukan Piagam Madinah.

Pembentukan Piagam Madinah sebagai asas kepada perpaduan di kalangan masyarakat Madinah. Ini kerana perjanjian tersebut melibatkan pelbagai lapisan masyarakat yang berbeza dari aspek keagamaan dan kebudayaan. Oleh itu, Baginda telah menggunakan pendekatan Wasatiyyah dalam pembentukan Piagam Madinah yang dilihat dapat menyatupadukan masyarakat yang berlatar belakang agama yang berbeza di bawah satu tampuk pemerintahan. Pembentukannya berjaya menentukan hak-hak orang-orang Islam dan penduduk tempatan di samping mewujudkan persefahaman dengan orang-orang bukan Islam terutamanya Yahudi. Umumnya Piagam Madinah telah menentukan kedudukan Nabi Muhammad s.a.w dan penduduk Madinah yang terdiri daripada masyarakat Islam, Yahudi dan Musyrikin. Ia menyusun pembentukan sebuah negara kota serta menggariskan hak, tanggungjawab dan peraturan di antara penduduk berdasarkan prinsip-prinsip Islam. Melalui Piagam Madinah yang dibina melalui pendekatan Wasatiyyah, kesejahteraan dan keamanan dapat dikekalkan meskipun terdapat segelintir pihak (Yahudi) yang cuba mengingkarinya. Oleh itu, artikel ini akan membincangkan secara terperinci berkaitan dengan pendekatan atau pengaplikasian Wasatiyyah dalam pembentukan Piagam Madinah.

## 2 Pentakrifan Wasatiyyah

Istilah Wasatiyyah ialah berasal daripada kata dasar (وسط) iaitu pertengahan atau sederhana. Kesederhanaan ini juga sering disebut sebagai *al-iqtisad*, *al-Tawassut* dan *al-I'tidal* (Mu'jam Wasit t.th). Selain itu, Wasatiyyah juga ditakrifkan dengan (أفضل و خيار) iaitu pilihan yang terbaik (al-Salabi 2005: 20). Perkataan Wasatiyyah melalui *Kamus Istilah Media Melayu-Arab* pula memberikan perkataan seerti dengan sederhana iaitu *i'tidal* dan *mutawasit* dan bagi perkataan toleransi ia seerti dengan perkataan *tasamuh* (Abd. Rauf 2005: 348 & 416). Menurut Ahmad Omar Hashem dalam bukunya *Moderation in Islam*, beliau mendefinisikan Wasatiyyah dengan apa-apa

yang berada di tengah supaya tidak ada satu pun yang berlebihan atau melampau. Ini bermakna bukan menokok tambah atau terlalu keterlaluan dan bukan juga berlebih-lebihan. Tetapi, Wasatiyyah adalah pilihan yang terbaik, adil dan paling sempurna (Ahmad Omar t.th: 1).

Menurut al-Qaradawi, Wasatiyyah ini adalah sesuatu yang memerlukan hak yang sewajarnya, iaitu memberikan hak yang sepatutnya dengan mengambil jalan tengah agar tidak melampaui batas-batas syariat Islam (al-Qaradawi 1997: 10). Perkataan *Wasat* juga bermaksud pertengahan yang membawa erti selalu menghindari perilaku atau pengungkapan yang ekstrem, cenderung ke arah jalan tengah dan pandangan yang cukup mempertimbangkan pendapat orang lain (Muslim Ibrahim 2011: 2). Di samping itu, menurut Imam Mohamed Baianonie, istilah Arab, *wasat*, membawa tiga makna, iaitu:

*“to be moderate, to be in the middle, and to be the best. Therefore, when Allah s.w.t describes the Muslim Ummah as a nation that is Wasat, Allah means that we are moderate, we are an Ummah that is in the middle, and that we are the best nation. Atawasoot in an Islamic sense means that the Muslim should try his best to be moderate in all of his affairs, and he should keep away from extreme practices and making extreme statements”* .

Begitu juga menurut *al-Tafsir al-Kabir* yang dikarang oleh Fakhr al-Din al-Razi (1935), beliau menyatakan tentang Wasatiyyah dengan mentafsirkan *wasat* itu sebagai keadilan yang mana pendekatan adil tersebut akan menjadi lebih baik sekiranya berada di tengah iaitu seimbang dan sama dalam segala hal. Beliau turut menjelaskan tentang *ummatan wasatan* iaitu umat “umat yang adil lagi terpilih” sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w. yang menyeru agar umat manusia menjadi umat pertengahan (al-Razi 1935: 108-109). Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 143 yang bermaksud:

*dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus), Kami jadikan kamu (Wahai umat Muhammad) satu umat yang pilihan lagi adil, supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah (Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu.*

Melalui maksud tersebut, dinyatakan pula bahawa umat Islam adalah umat yang adil atau *ummatan wasatan* iaitu umat yang memilih jalan sederhana antara dua sikap ekstrem tersebut iaitu jumud dan berlebih-lebihan sepertimana Yahudi dan Nasrani (Muslim 2011: 2). Selain itu, tafsiran *ummatan wasatan* kepada umat Nabi Muhammad s.a.w sebagai umat yang adil lagi terpilih adalah sebagai perbandingan dengan umat-umat yang lain. Apabila berbalik kepada konteks sirah nabi, ternyata bahawa mereka yang terdahulu merupakan penentang kepada rasul-rasul yang diutuskan Allah s.w.t yang mengajak kepada tauhid. Walau bagaimanapun, umat Nabi Muhammad s.a.w adalah umat yang terbaik kerana menerima seruan agama Islam yang disampaikan Baginda (Ismail 2011: 3). Oleh itu, daripada pengertian yang diberikan dapat disimpulkan bahawa Wasatiyyah bermaksud seimbang, sederhana, adil, kesatuan dan tidak melampau. Wasatiyyah bukan sahaja memilih pendekatan sederhana malah perlu memilih yang terbaik supaya setiap tindakan yang dilakukan tidak menyalahi apa yang digariskan agama.

### 3 Kandungan Piagam Madinah

Perlembagaan Piagam Madinah merupakan dokumen, kanun atau perjanjian bertulis mengenai hak dan tanggungjawab pemerintah dan orang yang diperintah. Piagam ini terdiri daripada 47 Fasal yang dapat dibahagikan kepada dua bahagian iaitu 23 bahagian adalah merujuk tanggungjawab kepada orang Islam manakala, 24 lagi tanggungjawab kepada orang bukan Islam (Yahudi) (Mahayudin t.th.: 111). Antaranya isi kandungan yang berkaitan dengan aspek-aspek tertentu:

#### i) Politik

- a. Rasulullah s.a.w sebagai pemimpin negara. Di mana masyarakat sudah mengiktiraf bahawa Rasulullah s.a.w sebagai ketua negara yang menentukan perjalanan pentadbiran negara supaya apa yang dilakukan itu tidak bertentangan dengan syariat Islam dan tidak melanggar peraturan (Roziyah, 2004: 9).
- b. Rasulullah s.a.w sebagai hakim yang menyelesaikan masalah yang timbul di antara orang Islam dengan orang bukan Islam. Segala hukum dan peraturan telah ditetapkan dan jika sesiapa yang melanggar peraturan maka hukuman setimpal akan diterimanya. Hal ini untuk membuktikan keadilan seorang pemimpin dalam mentadbir sesebuah negara yang terdiri daripada pelbagai masyarakat (Mahayudin t.th.: 118).

#### ii) Agama

- a. Masyarakat Madinah bebas mengamalkan agama masing-masing. Hal ini kerana Madinah terdiri daripada lain-lain agama dan mereka tidak terikat untuk menjalankan kebudayaan kehidupan mereka selagi tidak bertentangan dengan agama (Abdul Rahman 2007: 92). Ini merupakan langkah bijak yang diambil oleh Rasulullah s.a.w untuk menyatupadukan rakyat yang sebelumnya hidup dalam kegelapan dan kucar-kacir. Hal sedemikian telah disebut dalam Fasal 25 :

*“bahawa kaum Yahudi dari Bani ‘Auf adalah satu umat bersama orang-orang beriman, mereka (orang Yahudi) dengan agama mereka dan kaum Muslimin dengan agama mereka, begitu juga dengan orang-orang yang bersekutu dengan mereka, kecuali orang-orang yang zalim dan berbuat dosa maka hal ini akan menimpa diri dan keluarga mereka”.*

#### iii) Sosial

- a. Masyarakat Madinah dianggap sebagai satu ummah dan mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap negara Madinah. Selain itu mereka juga tidak boleh bermusuhan di antara satu sama lain. Orang-orang Islam di Madinah bebas berhimpun dan bermesyuarat untuk membincangkan masalah politik dan pentadbiran negara. Secara tidak langsung, membentuk negara Islam di Madinah. Piagam ini juga telah mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat Madinah bahawa mereka adalah satu masyarakat yang kuat dan bersatu padu dan Madinah adalah milik mereka (Mahayudin t.th: 116). Fasal 13 ada menyatakan perkara ini iaitu:

*“bahawa orang-orang beriman lagi bertakwa, mestilah mencegah sesiapa yang melakukan kezaliman, pelanggaran kesusilaan, dosa perseteruan atau kerosakan di kalangan orang-orang yang beriman, dan mereka hendaklah bersatu menentang orang-orang tersebut meskipun orang itu anak salah seorang daripada mereka.*

- b. Perpaduan umat Islam. Piagam Madinah menyeru semua masyarakat di Madinah agar hidup dalam keadaan bekerjasama dan bersatu padu. Masyarakat Islam Madinah terdiri daripada golongan Ansar dan Muhajirin (Al-Mubarakfury, t.th: 232). Selain itu, terdapat pelbagai kaum yang lain seperti Quraisy, Parsi, Yahudi dan lain-lain. Oleh itu, masyarakat majmuk ini disatukan melalui Piagam Madinah untuk mengelakkan persengketaan. Persaudaraan Islam bertujuan untuk menjalin dan mengeratkan hubungan persahabatan sesama Islam tanpa mengira kaum dan tempat tinggal. Persaudaraan Islam adalah suatu sikap dan tindakan yang lahir daripada jiwa dan hati manusia yang terikat dengan akidah keimanan kepada Allah s.w.t dan rasul-Nya (Abdul Rahman 2007: 93).

iv) Perundangan

- a. Undang-undang Islam diguna pakai secara menyeluruh tetapi peraturan kekeluargaan di dalam sesebuah kabilah boleh diamalkan selagi tidak bertentangan dengan Islam. Jika terdapat perselisihan faham terhadap sesuatu masalah akan terus merujuk kepada Rasulullah s.a.w bagi mengelakkan tokok tambah atau tafsiran yang negatif terhadap sesuatu perkara itu. Baginda (Roziyah, 2004: 9). Hal ini kerana segala peraturan tersebut adalah berlandaskan kepada al-Qur'an dan as-Sunnah. Dalam Fasal 23 menyatakan:

*“dan jika kamu bertelagah dan berselisih pendapat tentang sesuatu perkara maka kamu hendaklah kamu kembalikan kepada Allah dan Nabi Muhammad s.a.w”.*

v) Ekonomi

- a. Samping itu, kekayaan juga dibahagi sama Kerjasama di antara masyarakat Madinah dituntut demi memajukan ekonomi negara dan segala unsur-unsur penipuan dapat dihapuskan dalam sistem perniagaan. Piagam Madinah menetapkan persamaan antara semua penduduk tanpa mengira keturunan, bangsa, pemerintah dan golongan yang diperintah untuk mengelakkan jurang perbezaan dan penindasan dalam masyarakat. Di samping itu, kekayaan juga dibahagi sama rata di kalangan masyarakat untuk menghindari penindasan golongan kaya ke atas golongan miskin. Kesamarataan dan keadilan adalah penting untuk menjamin keamanan dan kesejahteraan kehidupan individu. Tujuan keadilan ini adalah untuk mengelakkan keburukan dan memberikan kebaikan serta hak kepada seseorang individu berlandaskan syariat Islam. Manakala, dalam aktiviti jual beli pula, segala jenis riba adalah di haramkan (Abdul Rahman 2007: 93).

vi) Pertahanan

- a. Semua anggota masyarakat dikehendaki mempertahankan Madinah daripada ancaman luar. Mereka perlu berganding bahu demi mempertahankan Madinah tidak kira yang beragama Islam atau bukan beragama Islam. Orang Islam sudah menganggap orang Yahudi sebagai warganegara dan ummah bersama orang-orang Islam. Mereka juga tertakluk di bawah Piagam Madinah dan harus menjalankan tanggungjawab yang dikenakan ke atas mereka (Mahayudin t.th.: 122). Termaktub akan hal di atas dalam Fasal 44:

*“bahawa hendaklah ada janji bantu-membantu di antara mereka (orang-orang yang menganggotai sahifah) bagi mempertahankan Yathrib daripada serangan-serangan musuh”.*

vii) Kedudukan Yahudi.

- a. Keselamatan orang bukan Islam (khususnya Yahudi) terjamin selagi mereka mematuhi Perlembagaan Madinah. Pada mulanya, orang Yahudi berminat ke atas Madinah. Atas kesedaran ini, Piagam Madinah juga menitikberatkan dan menjamin kebebasan kaum Yahudi dan kaum-kaum lain. Cara ini dapat mengelakkan kaum Yahudi menyebarkan agama mereka di Madinah di samping menghindari permusuhan di antara mereka. Mereka yang mematuhi perlembagaan ini akan diberi jaminan perlindungan dan keselamatan (Mahayudin t.th.: 123). Hal ini telah tertulis dalam Piagam Madinah melalui Fasal 47 iaitu:

*“bahawa sahifah ini tidak boleh digunakan bagi melindungi orang-orang zalim dan berdosa (bersalah), bahawa (dari saat ini) sesiapa (di antara anggotanya) keluar dari kota Madinah atau menetap di dalamnya adalah terjamin keselamatannya kecuali orang-orang yang zalim dan berdosa (bersalah). Sesungguhnya Allah melindungi orang-orang yang membuat kebajikan dan bertakwa, dan sesungguhnya Muhammad adalah Pesuruh Allah”.*

Berdasarkan fasal yang terbentuk dalam Piagam Madinah tersebut memberi panduan dan landasan bagi semua penduduk Madinah untuk memperoleh sistem perjalanan hidup yang lebih baik tanpa mengabaikan prinsip-prinsip Islam. Baginda mengaplikasikan konsep Wasatiyyah melalui perlembagaan tersebut dengan pendekatan yang adil, seimbang dan terbaik. Masyarakat yang menganggotainya pula saling bertanggungjawab membangunkan negara tersebut daripada kepelbagaian aspek tidak kira politik, ekonomi mahupun sosial.

#### **4 Pendekatan Wasatiyyah Dalam Piagam Madinah**

Wasatiyyah yang dimaksudkan tidak hanya terbatas antara orang Islam sahaja tetapi ia juga meliputi sikap sederhana dengan orang bukan Islam di Madinah (Anwar, 1999 : 180). Ini dapat dibuktikan dari apa yang telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w di yang mentadbir negara kota tersebut. Baginda s.a.w berjaya menyatupadukan penduduk Madinah dengan mewujudkan perpaduan di kalangan umat Islam terutamanya sebelum membentuk perpaduan semua penduduk. Baginda begitu menekankan betapa peri pentingnya perpaduan ini dijadikan sebagai nilai

persamaan kerana melihat bermula daripada perpaduan yang baik dapat menghasilkan pembangunan yang baik dalam sesebuah negara. Baginda percaya dengan pengamalan sikap sederhana dan hormat-menghormati dapat menyelesaikan sebarang konflik dan sekali gus menjana pembangunan negara (Abdul Rahman 2011: 12). Antara pendekatan Wasatiyyah yang terdapat dalam Piagam Madinah ialah:

#### **4.1 Kebebasan Kebudayaan**

Piagam Madinah telah membentuk negara Madinah melalui satu perpaduan khusus iaitu perpaduan yang berdasarkan agama. Namun demikian tetap membenarkan budaya satu-satu suku yang tidak bertentangan dengan agama diteruskan seperti biasa tanpa halangan. Begitu juga setiap suku mempunyai tanggungjawab bersama di dalam aspek pertahanan dan perundangan. Kaum Muhajirin di kalangan Quraisy tetap menurut adat kebiasaan baik yang berlaku di kalangan mereka (Anwar, 1999: 183).

#### **4.2 Masalah Tebusan**

Masalah bayaran darah atau tebusan hak masing-masing bukan hak pemerintah. Cuma pemerintah membuat pengadilan secara adil. Wang penebusan ini, pemerintah akan berikan kepada siapa yang berhak. Dengan keterangan yang di atas tadi tidak timbul sikap perkauman di dalam Islam, kerana setiap etnik akan menerima layanan yang adil. Semua yang ada sebagai isi Madinah akan menerima layanan yang baik oleh pemerintah yang adil dan yang menjalankan tanggungjawabnya dengan sempurna (Al-Mubarakfury, 2000: 307).

#### **4.3 Jaminan Kemanusiaan Dan Perdamaian**

Islam menggalakkan masyarakat membantu golongan yang lemah atau kurang mampu di atas prinsip persaudaraan seagama, tanpa mengira keturunan kaum seperti kata pepatah berdiri sama tinggi, duduk sama rendah, yang kuat membantu yang lemah, yang lemah bergantung kepada yang kuat, suatu amalan yang terpuji di dalam Islam (Al-Mubarakfury, 2004: 267). Semoga dengan hubungan antara etnik bukan berdasarkan kelas ekonomi ataupun politik sebagaimana tercatat di dalam Piagam Madinah dalam fasal 11:

*“bahawa orang-orang yang beriman tidaklah boleh membiarkan sebarang masalah di antara mereka bahkan mestilah sama-sama bertanggungjawab dengan memberi sumbangan secara baik, untuk membayar atau menerima wang tebusan darah“.*

Dalam firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran, dan janganlah sesekali kebencian terhadap kaum itu mendorong kamu tidak berlaku adil Hendaklah kamu berlaku adil (kepada semua dan semua keadaan), kerana ia lebih hampir kepada*



*takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah itu maha mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

*-Al-Maidah : 8-*

#### **4.4 Melarang Menimbulkan Perpecahan Sesama Islam**

Bagi mengelakkan berlaku perpecahan sesama sendiri mahupun sesama Islam. Piagam Madinah melarang sama sekali mengadakan perjanjian dengan pihak musuh Islam (Al-Mubarakfury, 2004: 268). Kes-kes seperti ini biasanya dijadikan alasan kepada musuh Islam dengan meletakkan Islam tidak dapat mengawal perpaduan umatnya, sedangkan hakikatnya mereka ini telah melanggar perintah Allah dan Rasulnya sehingga melemahkan umat Islam. Ini dapat diterangkan dalam fasal ketiga:

*“tidak boleh seseorang mukmin membunuh seseorang mukmin lain kerana seseorang kafir, dan tidak boleh ia menolong mana-mana orang kafir menentang seseorang mukmin.”*

#### **4.5 Larangan Membunuh**

Tindakan membunuh dan memusuhi mereka yang tidak bersalah bertentangan dengan Piagam Madinah meskipun orang yang dibunuh itu adalah orang bukan Islam (Mahayudin, 117). Oleh itu hukuman yang setimpal dengan perbuatan ini dijelaskan dalam fasal 21 iaitu:

*“barang siapa membunuh orang beriman yang tidak bersalah dengan bukti yang cukup, maka ia harus mendapat balasan yang setimpal kecuali apabila keluarganya si terbunuh sukarela menerima tebusan darah”*

Tugas untuk orang yang terbunuh bukan hanya terletak di tangan pemerintah semata-mata, tetapi tanggungjawab semua orang-orang beriman kerana ini juga dianjurkan supaya bersatu menentang pembunuhan kejam (Al-Mubarakfury t.th: 237). Dengan meletakkan tanggungjawab bersama dan tidak dibenarkan sama sekali berdiam diri. Sebagaimana yang telah dijelaskan selanjutnya di dalam perkara 21:

*“semua orang beriman hendaklah bersatu menghadapinya, dan tidak harus bagi mereka melainkan bangkit menentangnya.*

#### **4.6 Melindungi Orang-orang Yang Lemah**

Masyarakat Madinah wujud bersatu padu dengan sebuah masyarakat yang anggotanya berdiri sama tinggi, setaraf dan mereka semua dapat memenuhi tuntutan hak asasi diri masing-masing. Sebagaimana yang sering terjadi wujudnya pengelasan ekonomi yang berbeza mendorong kepada perbezaan fahaman yang tidak dapat dikawal. Oleh itu, apabila jurang perbezaan ini terjamin dengan sendirinya masyarakat itu akan terpelihara perpaduannya. Di Madinah, wujudnya golongan yang merasakan nasibnya terbelah, lantaran itu perpaduan tetap teguh, seperti mana melindungi golongan yang lemah dan semestinya setiap anggota Sahifah tidak akan dianiayai (Roziyah, 2004: 105) kerana ia telah termaktub dalam Piagam Madinah sebagaimana dalam fasal 15:

*“Bahawa jaminan Allah itu sama. Dia melindungi yang lemah daripada perbuatan mereka. Bahkan terdapat juga sepotong ayat di mana Allah menjanjikan pertolongan kepada mereka yang lemah. Firman Allah S.W.T yang bermaksud:*

*Dan kami berihsan dengan memberikan pertolongan kepada kaum yang tertindas di negeri itu, dan hendak menjadikan mereka pemimpin-pemimpin,serta hendak menjadikan mereka orang-orang yang mewarisi (apa yang dimiliki oleh Firaun dan kaumnya.*

*-Al-Qasas : 5-*

#### **4.7 Tanggungjawab Terhadap Negara**

Tanggungjawab terhadap negara dan masyarakat sebagai suatu agama yang mengamalkan prinsip kebangsaan sejagat, yang memberi pengiktirafan terhadap seluruh kaum yang bersaksikan kepada Allah Yang Maha Esa, Nabi Muhammad s.a.w pesuruhNya, telah meletakkan tanggungjawabnya kepada semua kaum di Madinah dengan memerintahkan supaya seluruh kaum bersatu padu melawan dan menentang perbuatan yang bercorak kejahatan, kezaliman permusuhan, kerosakan dan permusuhan terhadap hak asasi dan ketenteraman awam sebagaimana yang tercatat dalam fasal 13:

*“bahawa mukmin yang bertakwa hendaklah menentang sesiapa yang membuat kesalahan di kalangan mereka, melanggar kesusilaan, melakukan kezaliman, atau dosa atau perseteruan, atau kerosakan di kalangan mukmin, dan mereka hendaklah bersatu sama-sama menentangnya walaupun ia anak salah seorang daripada mereka.”*

Firman Allah juga ada menyeru manusia agar menunaikan tanggungjawab yang diberi seperti yang termaktub di dalam al-Quran yang bermaksud:

*Hendaklah ada di kalangan kamu satu golongan yang berdakwah kepada yang baik,yang menyuruh kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran,mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan.*

*-Ali-Imran: 104-*

#### **4.8 Perdamaian**

Segala perdamaian antara orang-orang Islam dan musuh Islam, mestilah berlaku untuk semua orang Islam. Segala perdamaian mestilah menyeluruh dan dipatuhi. Dari itu tidak harusnya berlaku dua kepimpinan dalam satu masa (Mahayudin, t.th: 116). Bahawa perdamaian orang-orang mukmin itu adalah satu; seseorang mukmin tidak boleh membuat perdamaian tanpa mukmin yang lain tentang sesuatu perang pada jalan Allah SWT , melainkan (atas dasar) persamaan dan keadilan di kalangan mereka.

Seperti firman Allah di dalam Al-Quran yang bermaksud:

*Dan jika sekiranya (musuh) itu cenderung kepada perdamaian, kamu juga hendaklah cenderung kepadanya, dan bertawakallah kepada Allah, sesungguhnya Allah itu Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.*

-Al-Anfal : 62-

## 5 Kepentingan Pembentukan Piagam Madinah Melalui Pendekatan Wasatiyyah

Perlembagaan Piagam Madinah yang dibentuk dengan konsep dan nilai Wasatiyyah ini memberi impak yang positif dalam kehidupan masyarakat Madinah. Antaranya ialah:

- i) Kerajaan Islam Madinah merupakan modal kerajaan Islam yang unggul. Madinah merupakan di antara negara yang isi masyarakatnya terdiri daripada pelbagai agama (Roziyah, 2004: 101). Ini merupakan salah satu contoh suasana perpaduan yang berjaya diwujudkan oleh Rasulullah s.a.w dalam menyatupadukan seluruhnya. Madinah dapat dijadikan contoh negara yang terbaik untuk diikuti oleh negara-negara yang lain (Mahayudin, t.th: 110). Prinsip ini terkandung di dalam firman Allah yang membawa maksud:

*Sesungguhnya Allah memerintah supaya kamu menunaikan amanah kepada ahlinya dan apabila kamu menjalankan hukum di kalangan manusia, hendaklah melaksanakan hukum itu dengan adil. Sesungguhnya Allah member pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar lagi sentiasa melihat.”*

-Al-Nisa' : 58-

- ii) Unsur-unsur Islam boleh dipraktikkan di dalam sesebuah negara yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Segala syariat Islam yang ditentukan oleh Allah dan digunakan oleh Rasulullah s.a.w tidak bertentangan dengan budaya dan cara hidup bagi agama lain dalam Madinah. Contohnya, di mana Rasulullah s.a.w telah menetapkan bahawa setiap masyarakat boleh menjalankan kehidupan agama masing-masing. Perkara ini merupakan salah satu perkara penting yang ditentukan untuk mengelakkan berlakunya pergaduhan dan pertelingkahan.
- iii) Piagam Madinah mengandungi peraturan dunia dan akhirat. Piagam Madinah atau Sahifah Madinah ini merupakan sebuah perlembagaan bertulis yang dirangka oleh Rasulullah s.a.w pada tahun 622 M berpandukan wahyu daripada Allah s.w.t (Matsor, 29). Oleh itu apa sahaja yang ditentukan oleh Rasulullah s.a.w mempunyai hikmah yang tertentu kerana ia meliputi keseluruhan kehidupan manusia dan memberi kesan untuk kehidupan manusia di akhirat kelak. Dalam al-Quran sendiri ada menyebut sebagaimana maksud berikut:

*Sebenarnya hukum (undang-undang) hanyalah bagi Allah. Ia memerintah kamu jangan menyembah melainkan Dia. Yang demikian itulah agama yang betul, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.*

-Yusuf:40-

- iv) Ekonomi Islam mementingkan keadilan dan ketelusan dalam perniagaan. Bukan sahaja dalam aspek ekonomi yang dipentingkan oleh Rasulullah s.a.w, tetapi ini merupakan salah satu aspek yang mesti diberi penekanan untuk menjalinkan perpaduan (Roziyah, 2004: 121). Ekonomi yang dilakukan mestilah terhindar daripada riba, tindas-menindas di antara golongan kaya dengan golongan miskin, tidak amanah dan sebagainya yang berkaitan dengan ekonomi. Ini merupakan salah satu cara Rasulullah s.a.w untuk menyatupadukan bangsa dan agama dalam masyarakat di Madinah.
- v) Rasulullah berjaya membentuk masyarakat baru berasaskan ummah, melalui semangat persaudaraan, konsep keadilan sosial dan persamaan hak serta amalan dan sifat positif diamalkan (Matsor, 29). Melalui pembentukan Piagam Madinah ini lahirnya kesan yang positif terhadap kehidupan masyarakat di Madinah seluruhnya. Rasulullah s.a.w berjaya mempersaudarakan golongan Muhajirin dan Ansar dan mereka saling menerima seadanya dan banyak tolong-menolong di antara satu sama lain.

Ini merupakan langkah bijaksana yang diambil oleh Rasulullah s.a w untuk membentuk masyarakat yang harmonis yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama di samping dapat mengislamkan mereka. Tujuan persaudaraan ini, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Muhammad al-Ghazali ialah untuk menghilangkan sifat assabiyyah yang ada dalam jiwa masing-masing sebelum ini dan membiarkan roh Islam sahaja yang wujud. Tiada satu pun yang membanggakan seseorang atau merendharkannya kecuali dengan ketakwaan sahaja (Al-Mubarakfury, 2000: 304).

- vi) Undang-undang Islam diperkenalkan. Undang-undang yang telah dirangka oleh Rasulullah s.a.w ini sama sekali tidak bertentangan dengan undang-undang bagi lain-lain agama masyarakat Madinah. Semuanya adalah untuk memberi kebaikan kepada penduduk Madinah agar dapat menjalani kehidupan mereka dengan lebih baik dari sebelumnya yakni sebelum kedatangan Islam dan Rasulullah s.a.w sebagai ketua negara.

Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin negara menunjukkan contoh bahawa *syura* (bermesyuarat) perlu diamalkan dalam kepimpinan negara. Tetapi apabila perkara tersebut sudah dijelaskan dalam wahyu Allah maka sudah pasti ia tidak boleh di surakan lagi. Ia bertujuan untuk mengelakkan berlaku ketidakpuasan hati di kalangan pengikutnya apabila keputusan di putuskan oleh baginda (Roziyah, 2004: 76).

Undang-undang Islam ini diperkenalkan bertujuan untuk memberi keadilan bukan sahaja kepada umat Islam tetapi seluruh masyarakat Madinah. Sesiapa yang membuat kesalahan akan diberi hukuman yang setimpal dan segala permasalahan yang berlaku hendaklah terus dirujuk kepada al-Quran kerana itulah sebaik-baik sandaran dan menjana perpaduan ummah berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

*Maka jika sekiranya kamu bertelingkah dalam apa-apa perkara, hendaklah kamu kembalikan penyelesaiannya kepada Allah (Al-Quran) dan Rasul (sunnah), jika kamu*

*benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Itulah sebaik-baik dan lebih elok penyelesaiannya.*

*-An-Nisa': 59-*

vii) Berjaya menyusun masyarakat yang sistematik kerana setiap kaum terikat dengan undang-undang yang telah digariskan dan mereka bertanggungjawab mempertahankan Madinah daripada ancaman luar. Mereka mesti bekerjasama dan bersatu hati menentang musuh yang ingin mencerobohi Madinah (Anwar, 1999: 182). Selain itu, mereka yang terdiri daripada pelbagai agama ini sanggup berkorban nyawa demi mempertahankan kota Madinah ini. Oleh itu, secara tidak langsung melalui konsep ini dapat menjalin ikatan perpaduan yang akan membentuk sebuah ummah yang bahagian dan kuat walaupun diancam oleh musuh. Allah juga turut berpesan di dalam Al-Quran melalui firman Nya yang membawa maksud:

*Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada mu sesuatu berita oleh seseorang yang fasik, maka siasatlah terlebih dahulu agar dengan sebabnya kamu tidak mengenakan tindakan terhadap sesuatu golongan secara jahil, maka dengan sebab tindakan itu kamu akan menyesal.*

*-Al-Hujurat : 6 -*

## **6 Kesimpulan**

Penubuhan Piagam Madinah sebagai satu perlembagaan bagi mewujudkan sistem perundangan masyarakat Madinah dengan lebih baik mencakupi aspek politik, ekonomi, sosial dan lain-lain. Perlembagaan ini merupakan perlembagaan bertulis yang pertama dibuat oleh Nabi Muhammad s.a.w sebagai ketua negara. Dengan itu, lahir sebuah negara Islam pertama yang menjadi induk kepada empayar Islam selepasnya. Setiap perkara atau fasal yang tercatat dalam perlembagaan tersebut memberi hak dan keadilan kepada semua penduduk tidak kira yang beragama Islam atau bukan beragama Islam. Sebagai contoh, kebebasan beragama, hak yang adil, hukuman yang setimpal dan sebagainya. Selain itu, setiap penduduk yang menganggotainya bertanggungjawab untuk mempertahankan negara tersebut daripada musuh atau sebarang kecelakaan. Dasar yang paling penting ialah pembentukan ummah dengan memberi pengertiannya menerangkan dengan jelas peranan masing-masing sebagai masyarakat yang bersatu padu.

Oleh itu, dalam pada merayakan keseimbangan dan penjagaan hak-hak individu lain, bukan dengan jalan melupuskan prinsip-prinsip dan nilai Islam. Sebaliknya, Islam terus dijunjung dan dibuktikan keunggulannya. Prinsip-prinsip Islam perlu terus diberi perhatian dalam kehidupan agar matlamat sebenar dapat dicapai. Begitulah pendekatan Wasatiyyah atau kesederhanaan yang diambil oleh Nabi Muhammad s.a.w sebagai pemimpin tertinggi dalam menyusun aspek-aspek yang terkandung dalam Piagam Madinah agar dapat membentuk sebuah negara yang aman tanpa sebarang permusuhan. Akhirnya, telah melahirkan Madinah al-Munawwarah sebagai sebuah negara kota yang disegani. Lembaran sirah Nabi Muhammad s.a.w. telah menyaksikan bahawa dalam setiap aspek sama ada dakwah, pemerintahan, sosio kebudayaan dan sebagainya tidak menunjukkan sebarang tindakan melampau, malah Baginda menggunakan pendekatan yang berimbang dan adil kerana dengan hanya jalan ini Islam dapat diterima oleh semua bangsa.

## Rujukan

- Al-Quran al-Karim. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. (1968). Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam.
- Abdul Rahman Abdullah. 2007. *Sejarah dan Tamadun Islam*. Ed. ke-2. Alor Setar: Pustaka Darussalam.
- Abdul Rahman Abdul Aziz. (2010). *Nilai-nilai Kesepaduan Sosial Dalam Hubungan Etnik: Analisis Ucapan Enam Perdana Menteri Malaysia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Omar Hashem. (t.th.). *Moderation in Islam*. t.tp: United Printing Publishing & Distributing.
- al-Salabi, Ali Muhammad. (2005). *al-Wasatiyyah fil al-Quran al-Karim*. 2005. Beirut: Dar al-Marifah.
- Anwar Zainal Abidin & Wan Kamal Mujani. (1999). *Sirat al-Rasul & Khulafa' al-Rashidun*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Razi, Fakhr al-Din Muhammad Umar. (1935). *al-Tafsir al-Kabir*. Mesir: Matba'ah al-Bahisah al-Misriyyah.
- Ibrahim Madkur. (t.th.). *al-Mu'jam al-Wasit*. Turkey: Dar al-Da'wah.
- Ismail Ibrahim. (2011). *Konsep Wasatiyyah: Perspektif Islam. Kertas Pembentangan Konvensyen Wasatiyyah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mahayudin Yahaya. (t.th.). *Peradaban Awal Sejarah Asia Barat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibn Hisham, Muhammad Abd. al Malik. (1997). *al-Sirah Nabawiyyah*. Jil. 2. Beirut: Dar Ihya' al-turath al-'Arabi.
- Muslim Ibrahim. *Satu Milenium Islam Sebagai Paksi Perpaduan Serumpun*. (2011). *Kertas Pembentangan Konvensyen Wasatiyyah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Roziyah Sidik. (2004). *Genius Muhammad Bin Abdullah*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Al-Mubarakfury, Shafiyurrahman. (2000). *Sirah Rasulullah s.a.w*. Terj. Mohd Darus Senawi Ali. Shah Alam: Kumpulan Usahawan Muslim Sdn. Bhd.
- Al-Mubarakfury, Shafiyurrahman. (2004). *Sirah Nabawiyyah*. Terj. Muhammad Ramzi. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Al-Mubarakfury, Shafiyyurrahman. (t.th.). *Sejarah Hidup Rasulullah s.a.w.* Terj. Zulfahmi Lubis & Abd. Aziz Rusman. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

Yusuf Al-Qaradhawi. (1997). Wasatiyyah al-Islam. Dlm. *Islam Moderate Legislation for Progressive Nation*. Terj. Ahmad Umar Hisyam & Muhammad Higab. Cairo: al-Azhar.

### **About the Authors**

Azyati Azhani Mohd Mazuki is a Master candidate at the Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted by email at [azhani1417@yahoo.com](mailto:azhani1417@yahoo.com).

Wan Kamal Mujani (Ph.D) is a professor of Islamic history at Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted by email at [inawan@yahoo.com](mailto:inawan@yahoo.com).

Azmi Aziz (Ph.D) is a senior lecturer of philosophy at School of Social, Development and Environment, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. He can be contacted by email at [azmiaziz68@gmail.com](mailto:azmiaziz68@gmail.com).

Ermy Azziaty Rozali (Ph.D) is a senior lecturer of Islamic history at Department of Arabic Studies and Islamic Civilization, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted by email at [ermy@ukm.my](mailto:ermy@ukm.my).